



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

KENYATAAN AKHBAR

OPS KEBERSIHAN DAN KESELAMATAN MAKANAN BAZAR RAMADAN 2023

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melalui Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan (BKMM) telah menjalankan operasi kebersihan dan keselamatan makanan di Bazar Ramadan bermula 23 Mac 2023. Operasi yang dilaksanakan oleh Jabatan Kesihatan Negeri di seluruh Malaysia ini melibatkan pemeriksaan premis dan pensampelan makanan. Ini bagi memastikan makanan yang disediakan dan dijual adalah selamat dan mematuhi kehendak Akta Makanan 1983, Peraturan-Peraturan Makanan 1985 dan Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009.

Sebanyak 640 lokaliti bazar Ramadan di seluruh negara telah dilawati bagi tempoh 23 Mac 2023 hingga 16 April 2023 dengan jumlah 51,849 premis telah diperiksa. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 14 premis makanan telah diarahkan tutup di bawah Seksyen 11, Akta Makanan 1983. Bagi pengendali makanan pula, seramai 104,755 pengendali makanan telah diperiksa dengan pecahan 93% (96,911 pengendali makanan) mempunyai suntikan anti-tifoid dan 84% (87,832 pengendali makanan) telah menghadiri latihan pengendali makanan.

Selain itu, sebanyak 2,188 Notis di bawah Seksyen 32B, Akta Makanan 1983 dengan nilai kompaun dianggarkan berjumlah RM197,600 telah dikeluarkan kepada pemilik premis, wakil premis dan pengendali makanan atas pelbagai jenis kesalahan seperti tidak menjalani latihan pengendali makanan, tiada suntikan anti-tifoid dan pakaian pengendali makanan.

Sehingga 18 April 2023, KKM telah menerima sebanyak 17 aduan makanan di bazar Ramadan 2023 di seluruh negara. Sebanyak 15 aduan telah selesai disiasat manakala dua (2) masih dalam proses siasatan. Tindakan pembetulan serta nasihat telah diberikan kepada pengusaha premis yang terlibat.

Bagi kejadian keracunan makanan pula, sehingga 13 April 2023 KKM telah menerima dua (2) laporan kejadian keracunan makanan yang berlaku di bazar Ramadan. Kedua-dua kejadian tersebut disebabkan oleh makanan yang telah dibeli di bazar Ramadan iaitu di bazar Ramadan Asia City, Kota Kinabalu, Sabah dan bazar Ramadan UiTM Segamat, Johor. Kesemua kes telah mendapatkan rawatan di fasiliti kesihatan yang berdekatan. Pendidikan kesihatandan edaran risalah telah diberikan kepada pengurusan bazar, kes yang terlibat dan kontak yang terdedah. Empat (4) notis kompaun di atas kesalahan tidak mematuhi pakaian pengendali makanan di bawah Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009 telah dikeluarkan kepada peniaga di bazar UiTM Segamat. Tapak bazar Ramadan UiTM Segamat juga telah diarahkan ditutup di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988.

Bersempena lebaran yang akan tiba, KKM ingin menasihati pengguna dan orang ramai untuk sentiasa peka dengan aspek keselamatan makanan. Pastikan amalan pengendalian makanan yang bersih dan sanitasi sentiasa diamalkan terutama semasa menyediakan juadah hari raya atau ketika menganjurkan rumah terbuka. Sentiasa amalkan kebersihan diri seperti membasuh tangan dengan sabun dan air bersih sebelum menyediakan makanan, sebelum makan dan selepas ke tandas. Sila “lihat, hidu dan rasa” sebelum makan dan jadikan ianya amalan sebagai langkah menghindari keracunan makanan.

Jadilah pengguna yang bijak dengan mengutamakan kesihatan, kebersihan, dan keselamatan makanan. Sekiranya pengguna mempunyai sebarang kemusykilan berhubung sebarang isu keselamatan makanan, pengguna boleh menghubungi mana-mana Pejabat Kesihatan Daerah atau Jabatan Kesihatan Negeri terdekat atau melalui melayari laman sesawang <http://moh.spab.gov.my> atau facebook Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan (BKKM) www.facebook.com/bkkmhq.

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
20 APRIL 2023